

Tiga peristiwa penting bagi Ghafar

UM 31/10/2003 - 9 PRECISE

Oleh ROZAMAN ISMAIL dan HERMAN HAMID

TUN Ghafar Baba adalah Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO yang kedua selepas Tan Sri Musa Hitam pernah bertugas di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ghafar dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada bulan Mei 1986 dan bertugas sehingga Oktober 1993.

Sebelum Dr. Mahathir, pemimpin veteran UMNO ini pernah bertugas di bawah tiga lagi Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman Al-haj, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Ghafar menyifatkan dirinya sangat bernasib baik kerana dapat berkhidmat di bawah keempat-empat Perdana Menteri yang mempunyai gaya kepimpinan berbeza tapi masih bermatlamat yang sama iaitu membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang maju.

Mengenai Dr. Mahathir, beliau merasakan rakyat Malaysia beruntung kerana memiliki seorang Perdana Menteri yang 'lengkap keislamannya.'

Dr. Mahathir pada mata Ghafar seorang yang bersih dari gejala-gejala yang sering dituduh oleh parti pembangkang.

"Saya anggap dia bersih daripada korupsi, saya tak pernah dengar dia mengumpul harta dan saya pandang dia sebagai seorang pemimpin Islam yang baik," katanya.

Bagi Ghafar, memadai dan cukup bagi Malaysia kalau mempunyai seorang pemimpin seperti Dr. Mahathir yang menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam iaitu sembahyang, puasa dan tidak minum arak.

Beliau melaksanakan kewajipan yang dituntut oleh agama Islam dan menjadi seorang pemimpin Islam yang cukup baik bagi negara ini.

Dr. Mahathir pada Ghafar juga seorang pemimpin yang sentiasa bekerja keras dan bersungguh-sungguh.

Perdana Menteri bersikap sedemikian kerana tidak mahu cuai sehingga meletusnya peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan seperti rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

"Dia tidak mahu lagi peristiwa yang sama berulang, menjadi pisang berbuah dua kali sehingga orang tuduh dia 'kata dulang paku serpih."

"Maka kerana itulah dia begitu bersungguh-sungguh dan berhati-hati dalam semua kerjanya," katanya lagi.

Ghafar turut mengimbas beberapa peristiwa penting dan kenangan manis sepanjang berada di bawah Dr. Mahathir termasuk pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986.

"Sekitar bulan Mei tahun itu, saya dipanggil Dr. Mahathir ke

pejabatnya. Dia kata pada saya dia nakkan bantuan. Saya jawab, Datuk Seri

jangan bimbang, saya ni setiap masa akan bantu Datuk Seri, jangan susah hati.

"Tapi Dr. Mahathir kata balik pada saya, ini bantuan lain. Saya tanya lagi bantuan apa?"

Dia

jawab saya nak Encik Ghafar, jadi timbalan saya ganti (Tan Sri) Musa Hitam."

Ketika itu kata Ghafar, beliau merasa sungguh terkejut dan tidak menyangka langsung kerana (Tan Sri) Musa Hitam masih muda dan sihat.

"Malah saya percaya dia (Musa) akan pegang jawatan itu lama sehingga dapat gantikan PM. Tentulah pelantikan itu saya tidak pernah menyangka sama sekali," katanya.

Selain itu ada tiga peristiwa penting yang turut melibatkan Ghafar secara langsung sepanjang bertugas di bawah Dr. Mahathir.

Kali pertama ketika mengetuai rombongan menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi mendapatkan persetujuan tentang kelulusan Parlimen hendak dipendekkan dalam tempoh 15 hari sahaja tanpa memerlukan tandatangan Agong, imuniti raja-raja dalam Artikel 181 Perlembagaan yang antara lain menyatakan raja-raja Melayu tidak boleh didakwa di mahkamah dan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abbas.

Insiden itu menurut Ghafar menimbulkan 'pertelingkahan besar' kerana raja-raja Melayu tidak mahu artikel berkenaan dipinda.

"Kami yang menemui raja-raja sikit pun tidak mahu berlembut, kami berkeras juga. Akhirnya mereka terpaksa bersetuju dengan kehendak jemaah menteri."

Ghafar juga diminta menjadi saksi ketika Dr. Mahathir menyampaikan perintah bagi memberhentikan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas.

"Dia panggil saya ke pejabat supaya menjadi saksi yang dia menyampaikan perintah supaya Tun Salleh lepaskan jawatan. Saya ada sama dan saya dengar.

"Saya hairan juga Dr. Mahathir cakap dengan begitu mudah dan tenang untuk memberhentikan seorang LP (Lord President). Dia cakap "I have bad news for you...YDP (Yang di-Pertuan Agong) wants you to resign".

"Saya terkejut kerana benda yang begitu besar dia boleh cakap dengan begitu senang. Semuanya selesai dengan baik," katanya lagi.

Ghafar percaya dan penuh yakin kepimpinan dan kemajuan yang dibawa oleh Dr. Mahathir akan menjadi kenangan yang panjang bagi rakyat Malaysia terutama sekali apabila Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.

"Tidak kira atas nama apa, saya yakin apa yang direncanakan oleh Dr. Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju akan tercapai jika rakyat bersungguh-sungguh mahukan Malaysia menjadi negara maju.

"Sebab sebuah negara maju bergantung pada rakyat dan bukan kerajaan semata-mata kerana pemimpin datang dan pergi tetapi rakyat yang akan terus bekerja," ujar beliau.

TUN GHAFAR BABA

